

Family Variables And Self Concept Variables (Part 4)


Siti Sarawati Binti Johar

3.3 Teori Neoanalisis Karen Horney (1950)

Horney pula menekankan pembentukan personaliti manusia yang membawa kepada pembentukan konsep sendiri adalah dengan bermulanya keperluan memperoleh keselamatan di rumah & penilaian pada struktur sosial keluarga. Seiring dengan perkembangan personality, Horney menjelaskan, “.....*the feeling a child has of being isolated and helpless in a potentially hostile world*”. Didapati sebab utama wujudnya proses kebimbangan di kalangan kanak-kanak ialah kerana tiadanya kemesraan dan kasih sayang sejati daripada ibu bapa. Jika ini berterusan, maka kemungkinan besar akan berlakulah kesan neurotik kepada diri kanak-kanak tersebut.

Horney mentakrifkan neorisis sebagai sebahagian daripada penyimpangan daripada keadaan normal atau perlakuan yang lazim, akan tetapi istilah ini tidak dikaitkan dengan patologi. Struktur watak neurotik muncul ekoran lambang daripada reaksi kebimbangan. Seterusnya, Horney juga mengatakan bahawa kanak-kanak mengembangkan konsepsi daripada apa yang diangankan oleh perasaan dalamannya dan pengetahuan semasa dan adat dalam lingkungan budayanya. Asas konflik diri ialah antara sendiri realiti dengan sendiri ideal. Di sini mungkin wujudnya neurotik bilamana kanak-kanak itu merasa gagal untuk mencapai sendiri ideal dalam menghadapi konflik baru.

Di samping itu, untuk mendapatkan keselamatan, individu akan melakukan 3 perlakuan iaitu : bertindak terhadap orang lain, melawan dan menjauhkan diri. Asas kepada 3 perlakuan ini adalah : keperluan disayangi, keperluan melengkapkan diri dan keperluan mengeksploitkan orang lain. Apa yang ketara dalam teori ini ialah, Horney amat optimis menekankan bahawa faktor sosial penting untuk menghindarkan reaksi neurotik dan konflik yang berpanjangan di kalangan anak-anak. Contohnya, pemerolehan kebahagiaan dan kasih sayang yang mencukupi oleh keluarga ketika di rumah boleh mengelakkan situasi neurotik. Usaha dan kaedah yang berterusan untuk memperbaiki iklim kekeluargaan ke arah yang lebih baik dan bermakna boleh membantu membentuk konsep sendiri positif di kalangan anak-anak malahan berupaya menghindarkan anak-anak membesar dengan kerisauan dan ancaman. Rajah di bawah menjelaskan prinsip konsep sendiri yang dikemukakan oleh Karen Horney.



Rajah 1 :Perhubungan di antara konsep sendiri sebenar dengan konsep sendiri ideal

CONTINUE...